



20 AUG, 2020

Kerugian bersih MSM terus berkurangan

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kerugian bersih MSM terus berkurangan

Penambahbaikan kos pengeluaran di kilang penapisan baharu bantu syarikat

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Pengeluar gula terkemuka tempatan, MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) terus menunjukkan pemulihan pada suku kedua berakhir 30 Jun 2020, apabila kerugian bersihnya berjaya dikurangkan secara berturut-turut sejak suku keempat 2019.

Bagi suku dikaji, kerugian MSM dikurangkan 68 peratus kepada RM21.55 juta berbanding kerugian bersih RM67.33 juta pada suku sama tahun lalu.

Secara keseluruhan, perolehan dalam tempoh separuh pertama 2020 adalah RM959.58 juta, rendah sedikit berbanding RM959.84 juta diraih sepanjang tempoh sama 2019.

MSM dalam kenyataannya berkata, jumlah kerugian berjaya di-



Khairil Anuar Aziz

kurangkan susulan penambahbaikan dalam kos pengeluaran di kilang penapisan baharu, MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd termasuk peningkatan dalam kadar penggunaan (UF) kepada 23 peratus pada suku kedua 2020 berbanding 19 peratus suku sama tahun lalu.

"Bagaimanapun, prestasi kewangan kumpulan terus terjejas berikutan susut nilai pada suku yang ditinjau," katanya.

MSM menambah, pertumbuhan memberangsangkan dalam permintaan pasaran eksport baharu serta purata harga jualan kukuh terus menyumbang kepada hasil kumpulan.

Katanya, di sebalik penurunan 10 peratus jumlah jualan domestik berbanding separuh pertama 2019, purata harga jualan segmen pemborong dan industri masing-masing meningkat lapan peratus serta dua peratus.

"Selain itu, peningkatan jualan bagi segmen eksport dipengaruhi premium lebih tinggi berbanding tahun lalu, dianggarkan menyumbang RM70 juta kepada hasil kumpulan bagi tempoh separuh pertama 2020.

"Setakat ini, MSM memperoleh eksport produk gula 200,000 tan sehingga penghujung tahun ini. MSM menyasar untuk meningkatkan jumlah jualan serta produk eksport bagi tahun kewangan 2020, selaras nilai premium tinggi," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz, berkata jumlah jualan domestik turun disebabkan waktu operasi terhad dan penutupan sementara perniagaan pelanggan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sehubungan itu, beliau berkata, penghantaran jualan seperti disasarkan pada musim sambutan Ramadan dan perayaan Aidilfitri terkesan.



20 AUG, 2020

Kerugian bersih MSM terus berkurangan

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Penambahbaikan kos pengeluaran di kilang penapisan baharu bantu syarikat

Pengeluar gula terkemuka tempatan, MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) terus menunjukkan pemulihan pada suku kedua berakhir 30 Jun 2020, apabila kerugian bersihnya berjaya dikurangkan secara berturut-turut sejak suku keempat 2019. Bagi suku dikaji, kerugian MSM dikurangkan 68 peratus kepada RM21.55 juta berbanding kerugian bersih RM67.33 juta pada suku sama tahun lalu. Secara keseluruhan, perolehannya dalam tempoh separuh pertama 2020 adalah RM959.58 juta, rendah sedikit berbanding RM959.